BH ONLINE

Jumaat, 9 April 2021, 11:03am

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# Perhebat kerjasama awam, swasta dalam inovasi kesihatan

Zanariah Abd Mutalib - April 8, 2021 @ 5:46pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin. - Foto NSTP/Nur Aisyah Mazalan

KUALA LUMPUR: Lebih banyak kerjasama antara sektor awam dan swasta perlu diwujudkan dalam bidang inovasi kesihatan bagi menyokong pembangunan ekosistem penjagaan kesihatan, selain meletakkan Malaysia di kedudukan hadapan dalam bidang itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata kerjasama berkenaan akan membolehkan penyelidik bekerja dengan industri untuk membawa produk mereka ke dalam pasaran.

Beliau berkata, situasi COVID-19 menyaksikan Malaysia kurang keupayaan dalam mengeluarkan vaksin untuk manusia, sekali gus membuka mata banyak pihak termasuk kementeriannya untuk berusaha ke arah itu.

"Kita tahu ini bukan wabak yang terakhir, jadi kita memutuskan untuk membangunkan keupayaan kita terutama dalam sektor penjagaan kesihatan, termasuk pembangunan vaksin manusia bermula daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) hingga pengeluaran," katanya.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Vaksin AstraZeneca: Kerajaan ada pelan sokongan
- Malaysia muktamadkan pemilihan vaksin COVID-19 awal 2021

TERKINI PILIHAN PEMBACA

9m Kuasa Mahkamah Syariah dulu banyak kekangan
12m 14 ahli Geng Nicky dituduh di mahkamah
40m Clasico bakal penentu mahkota La Liga
1h Alga bunuh 4,200 tan ikan salmon
1h Program Food Bank Siswa bantu 17,954 pelajar
1h Umrah tanpa permit denda SR10,000 menanti
2h 1 maut, berapa mangsa kritikal insiden tembakan di Texas
2h iQiyi siar drama Umie Aida jadi nenek




VAKSIN



NASIONAL Apr 8, 2021 @ 2:57pm
Malaysia sumbang 50,000 vaksin kepada Bosnia Herzegovina




NASIONAL Apr 8, 2021 @ 1:38pm
346,270 individu terima 2 dos suntikan vaksin

- Bekalan vaksin Sinovac tiba jam 9 pagi esok
- COVID-19: Malaysia akan sertai COVAX

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama pada majlis pelancaran Hab Inovasi Kesihatan (HIH) pertama di Malaysia secara dalam talian hari ini.

HIH dibangunkan hasil kerjasama syarikat biofarmaseutikal, AstraZeneca dan Universiti Sunway menerusi cabang inovasinya, Sunway Innovation Labs (Sunway iLabs).

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim; Duta Sweden, Dag Juhlin-Dannfelt; Ketua Pegawai Inovasi Sunway Group dan Pengarah Sunway iLabs, Matt Van Leeuwen serta Presiden Negara AstraZeneca Malaysia, Dr Sanjeev Panchal.

Khairy yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) berkata, kebanyakan negara di dunia terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana bergelut untuk mendapatkan akses kepada bekalan vaksin serta tidak mempunyai keupayaan untuk menghasilkan vaksin sendiri.

Katanya, negara maju membeli banyak bekalan vaksin, menyebabkan negara lain yang kurang berkemampuan terpaksa bergantung kepada kemudahan seperti COVAX untuk mendapatkan bekalan itu.

"Ketidaksaksamaan ini tidak adil. Malaysia menghindari perkara ini dan memulakan rundingan lebih awal termasuk dengan AstraZeneca bagi mendapatkan bekalan yang mencukupi untuk mengimunisasi kira-kira 80 peratus penduduk menjelang akhir tahun ini.

"Kita juga memutuskan untuk menyertai COVAX bagi menunjukkan solidariti global dan mendesak kepada kesaksamaan vaksin untuk semua. Tidak ada yang selamat sehingga semua orang selamat," katanya.

Mengenai HIH, Khairy berkata, ia akan memberi peluang kepada pengkomersialan penyelesaian penjagaan kesihatan baharu, membolehkan syarikat pemula membawa teknologi canggih mereka dan penyelesaian inovatif kepada kehidupan.

"Saya yakin Hab Malaysia ini akan memacu dasar dan membentuk ekosistem, membantu dengan pengkomersialan dan peluasan penyelesaian penjagaan kesihatan di seluruh negara.

"Hab ini akan meningkatkan kapasiti domestik bagi pembangunan teknologi dan produk baharu yang menarik, serta menyumbang bukan saja kepada pertumbuhan ekonomi tetapi juga

merangsang semangat kreatif dan keusahawanan, selain menjana peluang masa depan bagi penggiat inovasi penjagaan kesihatan di



MINDA PEMBACA Apr 8, 2021 @ 10:45am
Rakyat perlu sokong program imunisasi COVID-19


NASIONAL Apr 8, 2021 @ 9:23am
JKJAV kaji penggunaan vaksin AstraZeneca di Malaysia

NASIONAL Apr 7, 2021 @ 10:21pm


Vaksin AstraZeneca: Malaysia tunggu laporan EMA


NASIONAL Apr 7, 2021 @ 4:14pm
Langkah pemulihan beri harapan kepada peniaga kecil

## TRENDING


NASIONAL 13 minit yang lepas
14 ahli Geng Nicky dituduh di mahkamah


BOLA Apr 8, 2021 @ 4:28pm
Selangor patut dekat dengan JDT


SELEBRITI Apr 8, 2021 @ 3:38pm
Fazura dituduh menyindir isu rentas negeri


BOLA Apr 8, 2021 @ 3:29pm
Perak FC cari pembeli


SELEBRITI Apr 8, 2021 @ 3:00pm
Aina makin besar kepala?

## MYRESIPI


INFOMASI Apr 8, 2021 @ 3:30pm
Menu Inspirasi Dari Bandung, Ini Resepi Nasi Daun Limau Yang Korang Kena Cuba


INFOMASI Apr 8, 2021 @ 2:30pm
Resepi Warisan Telur Pindang Marble, Orang Johor Mesti Suka!


INFOMASI Apr 7, 2021 @ 5:02pm
Jom Cuba Buat Wool Roll Bread, Resepi Roti Viral Yang Lembut & Gebu


INFOMASI Apr 7, 2021 @ 5:00pm
Ini Resepi Nasi Arang ‘Ruz Makhbar, Menu Nasi Berperisa Sebagai Pembuka Selera


INFOMASI Apr 6, 2021 @ 5:39pm

peluang masa depan bagi penggiat inovasi penjagaan kesihatan di Malaysia," katanya.


Resepi Cucur Labu ‘Gluten Free’, Kuih Manis Ala-Ala Kaum Cina

Sementara itu, Dr Sanjeev berkata, dengan penubuhan HIH di Malaysia, AstraZeneca berhasrat menjalin kerjasama dengan pelopor penjagaan kesihatan tempatan, selain menyediakan platform dan kemudahan kepada mereka untuk membina ekosistem yang mampan serta memacu inovasi digital.

"Ini sejajar dengan aspirasi kerajaan ke arah usaha menyepadukan teknologi baharu melalui rawatan pesakit bagi menangani impak penyakit tidak berjangkit (NCD)," katanya.

## BERITA BERKAITAN


NASIONAL Dis 23, 2020 @ 12:22pm
**Vaksin AstraZeneca dijual pada harga kos, tiada keuntungan**


NASIONAL Apr 6, 2021 @ 4:09pm
**Malaysia terus guna vaksin AstraZeneca**


NASIONAL Apr 8, 2021 @ 9:23am
**JKJAV kaji penggunaan vaksin AstraZeneca di Malaysia**


NASIONAL Apr 7, 2021 @ 10:21pm
**Vaksin AstraZeneca: Malaysia tunggu laporan EMA**

Disyorkan untuk anda Recommended by


**Motion For Life**
Michelin Malaysia


**Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia…**
Mansion Global


**Connecticut Mansion Believed to Be the…**
Mansion Global


**[Pics] Most Hilarious Photoshop Edits…**
Parentsdome Galleries


**Malaysia: Work-from-home Jobs In The US May…**
Work From Home Listi…


**Real estate prices in New York might surprise you**
Real Estate New York | …


**[Pics] The Richest Rockstar Of All Time Is Not Who…**
UnpuzzleFinance


**Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,…**
Mansion Global

IKUTI KAMI DI:

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi